


# Program IPT perlu penuhi kehendak industri - Permaisuri Selangor

Oleh [Norzamira Che Noh](#) - November 18, 2023 @ 11:59am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin yang juga Pro Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) berkenan menyampaikan skrol kepada penerima Anugerah Sarjana Cemerlang kepada graduan pada Istiadat Konvokesyen UiTM ke-98 di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM Shah Alam hari ini. Foto BERNAMA

SHAH ALAM: Semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) perlu menyediakan program yang dapat membentuk pembangunan bakat dan sahsiah graduan secara langsung dengan dunia sebenar.

Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, yang juga Pro Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM), bertitah universiti perlu memberi 'kepercayaan' kepada pelajar untuk memanfaatkan kemahiran dan pengetahuan mereka kepada komuniti.

Baginda bertitah, kebolehpasaran adalah salah satu indikator kepada kerelevan program dan ketersediaan graduannya dalam sesbuah universiti.

"Bagaimanapun, universiti bukan sahaja perlu menekankan aspek akademik malah, penekanan harus diberikan kepada pembangunan bakat dan pembentukan sahsiah graduan.

"Perlu kita akui, bahawa pembangunan bakat adalah elemen penting dalam membantu meningkatkan ekonomi negara. Oleh itu, sistem pendidikan negara perlu mempunyai keupayaan menghasilkan modal insan berkualiti serta berkemahiran tinggi bagi memenuhi kehendak industri.

"Pembangunan bakat ini pula perlu diterapkan nilai-nilai insaniah bagi pembentukan sahsiah graduan. Ia adalah suatu pendekatan yang menekankan pada perkembangan individu secara holistik merangkumi aspek moral, etika, dan kemanusiaan.

"Rentetan daripada itu, suka saya tekankan, agar semua IPT seharusnya menyediakan program yang dapat membentuk pembangunan bakat dan sahsiah graduan secara langsung dengan dunia sebenar. Kita perlu memberi 'kepercayaan' kepada pelajar untuk memanfaatkan kemahiran dan pengetahuan mereka kepada komuniti," titah baginda pada Istiadat Konvokesyen UiTM ke-98 di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) di sini, hari ini.

Tengku Permaisuri Norashikin turut menzahirkan kegembiraan apabila Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperkenalkan Service Learning Malaysia - Universiti For Society (SULAM) dengan menyediakan ruang kepada pelajar untuk memperkembangkan idea mereka kepada komuniti melalui kaedah Pembelajaran Menerusi Pengalaman.

"Kaedah ini pastinya akan membentuk keprofesionalan peribadi dan kesedaran kendiri dalam kalangan graduan. Malah ia juga menghasilkan graduan yang serba boleh, kalis masa depan dan mampu memanfaatkan revolusi platform digital," titah baginda.

Dalam titah ucapannya, baginda bertitah, sesebuah universiti juga seharusnya terus memperkasakan penyelidikan sebagai misi dalam memajukan ilmu pengetahuan, mendorong inovasi, dan menangani cabaran masyarakat semasa.

Titah baginda, bagi menggalakkan program penyelidikan dijalankan di IPT terutama di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah, peluang untuk membuka kolaborasi dengan industri perlu dipertingkatkan yang mana industri boleh menjadi penyelia-bersama kerana mereka ini boleh menyumbangkan idea yang mampu menyelesaikan masalah dalam industri sebenar.

"Justeru, saya menyeru dan menggalakkan graduan teruskan pembelajaran sehingga peringkat yang lebih tinggi. Pembelajaran tidak seharusnya terhenti di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda sahaja kerana ilmu adalah asas kepada pembentukan tamadun tinggi.

"Nabi Muhammad SAW pernah bersabda, 'Barang siapa yang menapaki suatu jalan dalam rangka menuntut ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan menuju syurga.' (Hadis Riwayat Ibnu Majah dan Abu Dawud). Secara ringkasnya, mencari ilmu adalah perkara yang mulia di sisi Allah SWT.

"Sehubungan dengan itu, budaya menimba ilmu perlu dirancakkan kerana Malaysia memerlukan problem solver dalam membantu negara menghadapi cabaran yang semakin kompleks," titah Tengku Permaisuri Norashikin.

Pada istiadat konvokesyen yang berlangsung sehingga 14 November ini, seramai 24,714 keseluruhan graduan akan menerima ijazah dan diploma dalam bidang masing-masing termasuk UiTM Cawangan Sarawak dan Sabah.